



1. Isi tempat kosong yang berikut dengan jawapan yang diberi di bawah:

Pertambahan kenderaan

Pusat persinggahan

Pengangkutan lestari

Dubai

China

Kualiti air laut

Hab perdagangan

Pengendalian kargo

Mobiliti penduduk

Berkelajuan tinggi

- a) Negara-negara di benua Asia memajukan system pengangkutan untuk
kemudahan _____ dan untuk peningkatan ekonomi negara
masing-masing.
- b) Kemajuan teknologi dalam system pengangkutan dan faktor kesesakan disebabkan
oleh _____ telah mengakibatkan keperluan jaringan
pengangkutan yang pesat di Benua Asia.
- c) Negara Jepun mempunyai kereta api peluru
Shinkansen _____ yang termoden di Benua Asia.

- d) Lapangan Terbang Antarabangsa _____ merupakan lapangan terbang yang mengendalikan penumpang antarabangsa yang tersibuk di dunia.
- e) Pengangkutan di bandar-bandar utama penting kerana perkembangan ekonomi sudah memasuki era yang moden sebagai _____ antarabangsa di Benua Asia.
- f) Kereta api berkelajuan tinggi bukan setakat maju di Jepun malah negara _____ juga bercita-cita tinggi dalam projek system kereta api berkelajuan tingginya.
- g) Fungsi Pelabuhan dapat dikategorikan kepada aliran pergerakan perkapalan, _____ dan pengendalian penumpang.
- h) Pelabuhan Hong Kong dianggap paling sibuk di dunia kerana menjadi _____ kapal dari serata dunia.
- i) Akibat pertumpahan minyak, hidupan akuatik di perairan Hong Kong mengalami kepupusan dan tahap _____ juga merosot.
- j) Kini, aspek pemeliharaan alam sekitar telah diberi tumpuan dengan memberi penekanan terhadap _____